

17/11/1997

Kementerian beli siaran media utama asing

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Penerangan akan membeli ruang akhbar dan masa siaran media utama di luar negara bagi memperbetulkan gambaran salah terhadap Malaysia, khususnya mengenai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dibuat oleh media Barat.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamed, berkata langkah itu bagaimanapun hanya akan dilaksanakan jika ia mendapat kelulusan daripada Kabinet.

Menurutnya, langkah yang meliputi pembelian ruang iklan di akhbar-akhbar utama dan masa siaran stesen televisyen di Amerika Syarikat dan Eropah itu akan dikemukakan kepada Kementerian secepat mungkin.

"Kita akan beli ruang iklan dan masa siaran televisyen di sana untuk tujuan itu jika Kabinet memberikan kebenaran," katanya selepas merasmikan Khemah Perubatan Percuma anjuran Kor Wanita Kota, di sini hari ini.

Beliau berkata, langkah itu perlu kerana beberapa tindakan dan dasar yang dilaksanakan kepimpinan negara, terutamanya Perdana Menteri perlu dijelaskan untuk menentang propaganda memburukkan kepimpinan negara.

"Kita perlu menjelaskan keadaan sebenarnya kerana jika kita cuba memberi penerangan melalui media mereka, kenyataan kita tidak akan mendapat perhatian dan cara yang boleh dilakukan ialah dengan membeli ruang iklan daripada akhbar dan masa siaran televisyen mereka untuk menjelaskan kedudukan sebenar.

"Media Amerika dan Eropah pada masa ini sudah menggambarkan Dr Mahathir sebagai satu personaliti yang sama dengan Hitler dan pelbagai gambaran negatif, tetapi kita tidak dapat menjelaskan keadaan sebenarnya.

"Masyarakat Amerika dan Eropah pada masa ini menganggap PM kita jahat kerana media mereka menggambarkan sedemikian," katanya.

(END)